

Penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti luar cuti sekolah: Analisis persepsi ibu bapa

Fidlizan Muhammad¹, Salwa Amirah Awang², Mohd Yahya Mohd Hussin¹, Azila Abdul Razak¹, Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani¹

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris

²Politeknik Sultan Azlan Shah

Koresponden: Fidlizan Muhammad (email: fidlizan@fpe.upsi.edu.my)

Received: 15 January 2025; Accepted: 18 April 2025; Published: 27 May 2025

Abstrak

Tempoh cuti sekolah kanak-kanak yang panjang perlu diisi dengan melakukan aktiviti berfaedah. Bagi ibu bapa berkerjaya khususnya, penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar dapat menyeimbangkan antara tanggungjawab kerja dan keluarga dengan memastikan anak-anak terlibat dalam aktiviti bermanfaat. Memandangkan penyertaan dalam aktiviti cuti sekolah memerlukan kos, tempat, kesesuaian aktiviti, risiko dan lain-lain, ia menjadi faktor penting dalam mempengaruhi keputusan ibu bapa. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis faktor-faktor mempengaruhi pilihan ibu bapa dalam membuat keputusan penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar pada musim cuti sekolah. Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan pandangan ibu bapa melibatkan beberapa faktor dikenalpasti seperti pengajur, lokasi, komunikasi, yuran, jurulatih, risiko dan pengalaman sendiri. Seramai 744 orang responden terlibat dalam kajian ini. Analisis regresi berbilang diaplikasi bagi menganalisis pengaruh boleh ubah dikaji terhadap kesediaan ibu bapa berkaitan topik kajian. Hasil analisis mendapati, kesemua boleh ubah adalah signifikan. Boleh ubah lokasi, komunikasi dan yuran didapati mempengaruhi secara negatif, manakala jurulatih, risiko dan pengalaman sendiri pula mempengaruhi secara positif. Kajian mendapati bahawa keputusan ibu bapa dalam memilih aktiviti luar untuk anak-anak semasa cuti sekolah dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkait. Dapatan ini memberikan panduan kepada pengajur aktiviti untuk menyesuaikan program mereka agar lebih menarik dan relevan dengan keperluan ibu bapa. Secara keseluruhan, kajian ini memberikan cadangan kepada pengajur dan pembuat dasar untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti luar dengan merancang program yang mesra pengguna, selamat, dan mampu menarik minat dan menyakinkan ibu bapa. Hal ini dapat membantu memastikan tempoh cuti sekolah dimanfaatkan secara optimum untuk perkembangan holistik kanak-kanak.

Kata Kunci: Aktiviti luar, kesediaan, pengalaman, penyertaan, program, risiko

Children's participation in outdoor activities during school holidays: An analysis of parents' perceptions

The long school holiday period for children should be filled with beneficial activities. Particularly for working parents, involving children in outdoor activities can help in balancing work and family

responsibilities by ensuring children engage in meaningful activities. Considering that participation in school holiday activities requires costs, location, activity suitability, risks, and other factors, these elements significantly influence parental decisions. Therefore, this study aims to analyze the factors influencing parents' choices in deciding their children's participation in outdoor activities during school holidays. A questionnaire instrument was used to gather parents' opinions on identified factors such as organizers, location, communication, fees, trainers, risks, and personal experiences. A total of 744 respondents participated in this study. Multiple regression analysis was applied to examine the influence of the studied variables on parents' willingness related to the topic. The analysis results revealed that all variables were significant. Variables such as location, communication, and fees negatively influenced parents' decisions, whereas trainers, risks, and personal experiences had a positive influence. The study found that parental decisions in selecting outdoor activities for children during school holidays are influenced by various interrelated factors. These findings guide activity organizers in adjusting their programs to be more appealing and relevant to parental needs. Overall, this study offers recommendations for organizers and policymakers to enhance children's participation in outdoor activities by designing programs that are user-friendly, safe, and capable of attracting and instilling confidence in parents. This approach can help to ensure that the school holiday period is optimally utilized for the holistic development of children.

Keywords: Outdoor activities, willingness, experience, participation, program, risks

Pengenalan

Cuti sekolah merujuk kepada tempoh rehat yang ditetapkan dalam jadual akademik, yang mana aktiviti pembelajaran formal di sekolah dihentikan buat sementara waktu. Tempoh ini biasanya berlaku beberapa kali sepanjang tahun, dikenali sebagai cuti penggal dan cuti akhir tahun. Waktu cuti ini memberi peluang kepada pelajar untuk melepaskan tekanan akademik, meluangkan masa berkualiti bersama keluarga, atau menyertai pelbagai aktiviti luar seperti percutian, kem motivasi, dan program pembangunan diri. Bagi guru dan kakitangan sekolah, mereka turut mendapat manfaat pada waktu ini untuk berehat dan membuat persediaan bagi penggal persekolahan yang akan datang.

Bagi ibu bapa yang bekerja, tempoh cuti sekolah sering menimbulkan cabaran dalam memastikan masa yang panjang tersebut dimanfaatkan dengan aktiviti yang berguna untuk anak-anak. An (2024) mendapati peluang untuk anak-anak terlibat secara aktif dalam aktiviti luar semasa cuti sekolah dipengaruhi oleh keputusan ibu bapa yang berkaitan dengan faktor psikologi, fisiologi, persekitaran, komitmen dan masa. Tuntutan kerja harian atau waktu bekerja pejabat menyukarkan ibu bapa untuk memantau anak-anak sepanjang cuti sekolah, dan memastikan mereka terlibat dalam kegiatan yang berfaedah. Ketiadaan pemantauan ini sering menyebabkan kanak-kanak menghabiskan masa dengan aktiviti yang kurang produktif seperti bermain permainan video atau menonton televisyen. Lebih parah, sekiranya kanak-kanak terlibat dalam aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang seperti lumba haram, pertaruhan, pergaduhan dan sebagainya (Nur Hafizah, 2020). Oleh itu, program cuti sekolah berkualiti yang dapat memberikan manfaat dari segi akademik, sosial, dan fizikal wajar disediakan sebagai pilihan untuk menyeimbangkan antara tuntutan dan tanggungjawab dalam kalangan ibu bapa masa kini.

Sehubungan itu, penganjuran kem cuti sekolah semasa musim cuti relevan sebagai alternatif yang berkesan kepada ibu bapa. Kem ini menawarkan peluang kepada anak-anak untuk menyertai aktiviti menyeronokkan dan berbeza dengan pengalaman di bilik darjah. Ini disebabkan, aktiviti disediakan ketika kem cuti sekolah banyak berorientasikan pembelajaran berasaskan pengalaman seperti cabaran fizikal, kerja berpasukan, dan permainan interaktif, yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sosial, fizikal, dan mental pelajar. Pelbagai aktiviti luar boleh dilaksanakan bagi mencapai objektif ini seperti berkayak, mendaki, berkhemah, kembara alam, khidmat sosial dan sebagainya yang boleh dilaksana oleh pihak penganjur dalam bentuk pertandingan dan bukan pertandingan (Nurul Fathiah & Nur Hafizah, 2023).

Selain mengisi masa lapang dengan kegiatan bermanfaat, kem cuti sekolah juga menjadi platform bagi membentuk sifat positif seperti keyakinan diri, rasa tanggungjawab, dan keupayaan menyelesaikan masalah. Pelajar berpeluang mendalam minat baharu, meluaskan perspektif mereka, dan membina hubungan sosial yang kukuh dalam suasana santai dan menggembirakan. Program ini bukan sahaja memberikan kebaikan kepada pelajar tetapi juga membantu ibu bapa memastikan anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti yang tersusun dan bermakna sepanjang tempoh cuti. Bobo et al. (2024) mendapati bahawa penglibatan dalam aktiviti luar tidak sahaja menyumbang kepada berkurangnya masa skrin kanak-kanak, bahkan mampu meningkatkan skor kesihatan secara positif.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pandangan ibu bapa terhadap faktor-faktor utama yang mempengaruhi pemilihan aktiviti luar sebagai pilihan mengisi waktu cuti sekolah kanak-kanak. Untuk mencapai objektif ini, artikel ini dibahagikan kepada lima bahagian utama. Bahagian kedua berikutnya membincangkan kajian lepas, diikuti metodologi kajian pada bahagian ketiga, analisis hasil kajian pada bahagian keempat, dan kesimpulan pada bahagian kelima.

Kajian lepas

Kajian literatur berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan ibu bapa dalam memilih aktiviti cuti sekolah menunjukkan terdapat pelbagai faktor berperanan penting dalam keputusan tersebut (Muhammad et al., 2024). Secara umum, ibu bapa cenderung memilih kem yang menawarkan aktiviti yang sesuai dengan minat dan perkembangan anak-anak mereka. Program yang memberi tumpuan kepada pembentukan karakter, kemahiran sosial, dan perkembangan akademik sering menjadi keutamaan kerana dianggap mampu memberikan nilai tambah kepada personaliti dan pembelajaran anak-anak. Sebagai contoh, kajian oleh Barnett (2008) menegaskan bahawa kesesuaian aktiviti dengan minat kanak-kanak adalah penting bagi memastikan penglibatan peserta secara aktif. Richmond et al. (2019) pula menekankan perlunya kepelbagai aktiviti program yang menyokong pembangunan kemahiran hidup peserta untuk berdikari, dan berdaya tahan menghadapi cabaran kehidupan.

Kajian turut menunjukkan bahawa kualiti penganjuran kem menjadi faktor penting pemilihan ibu bapa. Richmond et al. (2023) menyatakan bahawa ibu bapa sering menilai reputasi penganjur, kualiti program, dan potensi hubungan sosial yang boleh terjalin semasa kem dianjurkan. Penganjur yang diiktiraf, contohnya mematuhi piawaian American Camp Association (ACA), dilihat lebih dipercayai ibu bapa kerana jaminan keselamatan dan kualiti program yang lebih tinggi (Henderson et al., 2007a). Penganjur berpengalaman juga dikaitkan dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif serta mampu membina kemahiran intrapersonal anak-anak. Lokasi kem juga menjadi salah satu aspek utama yang dipertimbangkan,

khususnya bagi ibu bapa yang bekerja. Kajian Richmond et al. (2023) mendapati bahawa lokasi yang strategik dan mudah diakses mempengaruhi pemilihan kem, terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah. Sementara itu, ibu bapa dari golongan berpendapatan tinggi lebih menumpukan kepada nilai sosial dan pengalaman unik yang ditawarkan oleh kem-kem eksklusif.

Kemudahan yang disediakan oleh penganjur kem turut memberi kesan kepada keputusan ibu bapa. Kajian oleh Borden et al. (2005) menunjukkan bahawa program yang fleksibel dan menyediakan kemudahan seperti pengangkutan sering menjadi pilihan ibu bapa yang bekerja. Richmond et al. (2023) menyokong dapatan ini dengan menambah bahawa program yang memberi perhatian kepada keselesaan dan kemudahan ibu bapa mendapat sambutan lebih baik. Selain itu, kos atau yuran penyertaan kem juga memainkan peranan penting. Richmond et al. (2023) menunjukkan bahawa keluarga berpendapatan rendah lebih menitikberatkan faktor kos, sementara keluarga berpendapatan tinggi lebih memberi perhatian kepada nilai pengalaman dan manfaat sosial. Beberapa kem yang menawarkan bantuan kewangan atau biasiswa untuk keluarga kurang mampu menjadi pilihan kerana ia dapat mengurangkan beban kewangan (Barnett, 2008).

Kepakaran dan pengalaman jurulatih turut mempengaruhi pilihan ibu bapa. Richmond et al. (2023) mendapati bahawa ibu bapa memberi perhatian kepada kelayakan jurulatih, termasuk pengalaman mereka dalam mengendalikan kanak-kanak serta latihan berkaitan keselamatan seperti pertolongan cemas. Komunikasi yang berkesan antara penganjur kem dan ibu bapa, terutamanya dalam memberi maklumat terkini mengenai aktiviti anak-anak, juga dianggap penting (Kang et al., 2017). Aspek keselamatan pula menjadi kebimbangan utama ibu bapa. Kajian oleh Henderson et al. (2007b) menunjukkan bahawa kem yang mempunyai akreditasi daripada badan yang diiktiraf lebih dipercayai kerana garis panduan keselamatan yang ketat. Richmond et al. (2023) menambah bahawa ibu bapa lebih yakin dengan kem yang mengutamakan keselamatan melalui fasiliti yang baik, kakitangan terlatih, dan langkah-langkah pencegahan seperti polisi anti-buli serta pemantauan ketat.

Akhir sekali, potensi risiko yang berkaitan dengan aktiviti luar juga mempengaruhi pandangan ibu bapa. Kajian oleh Giles et al. (2019), Gerlach et al. (2019), dan Bauer dan Giles (2019) menunjukkan bahawa penerimaan terhadap risiko adalah berbeza-beza antara keluarga, dan bergantung kepada latar belakang dan pengalaman mereka. Bagi sesetengah keluarga, seperti yang berlatarbelakangkan pasukan ketenteraan, risiko dilihat sebagai elemen yang perlu diurus dengan baik kerana ia memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar mengendalikan cabaran dan risiko dalam kehidupan (Bauer et al., 2021). Walaupun risiko ini boleh dijangka, pengurusan yang tidak cekap boleh menghalang ibu bapa daripada membentarkan anak-anak menyertai program, walaupun manfaatnya jelas (Dallat et al., 2015). Bonavolontà et al. (2021) turut mengakui bahawa kanak-kanak realitinya mampu berhadapan dengan sesuatu risiko melalui bimbingan. Penglibatan secara berlebihan daripada pihak ibu bapa bagi mengelakkan terjadinya risiko boleh menyebabkan kanak-kanak rasa tertekan dan menghalang mereka menonjolkan potensi perkembangan diri yang sebenar. Sehubungan itu, penting bagi ibu bapa memahami dan memberi ruang kepada anak-anak untuk melakukan dan merasai sendiri keseronokan dan kesukaran sesuatu aktiviti (Miguel et al. 2013). Knight dan Holt (2014) dan Holt et al. (2008) mendapati, dorongan dan perkongsian perasaan ibu bapa mampu memberi kesan yang positif terhadap kemajuan dan perubahan diri dalam pelbagai aktiviti yang diceburi oleh kanak-kanak.

Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada ibu bapa berkerjaya di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Johor dan Perak. Sebanyak 800 set soal selidik diedarkan dalam tempoh enam bulan, bermula dari Jun hingga November 2024, menggunakan kaedah persampelan rawak. Daripada jumlah tersebut, 744 soal selidik telah diterima semula dengan lengkap dan sesuai untuk dianalisis.

Kajian ini meneliti faktor mempengaruhi pilihan ibu bapa berpandukan kajian terdahulu. Faktor-faktor tersebut termasuk ciri aktiviti, keselamatan atau risiko, kepakaran staf atau fasilitator, lokasi, masa dan kos (Richmond et al., 2023). Kajian Richmond et al. (2019) dan Borden et al. (2005) pula memberi penekanan aktiviti luar dari tiga aspek utama iaitu ciri aktiviti, kemudahan, dan kebolehsampaian (*accessibility*) atau lokasi. Selain itu, Henderson et al. (2007a) memfokuskan mengenai kepentingan kecekapan fasilitator dan penilaian program dalam menarik minat ibu bapa, manakala Henderson et al. (2007b) pula membincangkan kepentingan penganjur mendapatkan input atau maklum balas ibu bapa bagi meningkatkan keyakinan dan penyertaan aktiviti pada masa hadapan. Kajian oleh Kang et al. (2017) pula memberi fokus kepada kecekapan penganjur, kemahiran dan kecukupan staf atau jurulatih, serta sikap atau keterbukaan penganjur berkongsi informasi semasa dan selepas aktiviti luar selesai dilaksana. Aspek risiko turut diberi perhatian dalam kajian ini berdasarkan dapatan Marinah dan Norhazwani (2017), yang merangkumi laporan kes kecederaan atau risiko yang berlaku semasa aktiviti luar sama ada di dalam atau luar sekolah di Malaysia.

Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik ini. Bahagian A adalah berkaitan demografi responden, dan bahagian B pula berkaitan faktor-faktor dikaji. Bagi mengukur dan mengesahkan setiap pemboleh ubah atau konstruk yang digunakan berpadanan dengan setiap faktor, ia diuji menggunakan analisis *Kaiser Meyer-Olkin* (KMO) bertujuan mengetahui kecukupan sampel, berserta nilai alpha cronbach dan ujian *Barlett's Test of Sphericity* (William et al., 2012). Ujian ini perlu signifikan pada aras keertian sekurang-kurangnya lima (5) peratus bagi memastikan kesemua faktor yang dikaji adalah sesuai untuk dianalisis. Ujian lain yang turut dijalankan bagi mengukuhkan kesahan item ialah faktor nilai muatan faktor (factors loading) dan keseragaman (communalities). Semua maklumat yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

Analisis regresi linear berbilang dilakukan terhadap model yang dibentuk sebagaimana ditunjukkan dalam persamaan (1).

$$\begin{aligned} Y_i = & \beta_0 + \beta_1 AJR_i + \beta_2 LKS_i + \beta_3 KMKS_i + \beta_4 YRN_i \\ & + \beta_5 PGML_i + \beta_6 RSK_i + \beta_7 JLTH_i + \varepsilon \end{aligned} \quad (1)$$

Berdasarkan persamaan (1), i merujuk kepada bilangan responden kajian dari 1,2,3 hingga n iaitu 744 orang responden dalam kajian ini. β_i merujuk kepada koefisien bagi setiap pemboleh ubah iaitu *AJR* (penganjur), *LKS* (lokasi), *KMKS* (komunikasi), *YRN* (yuran), *PGML* (pengalaman diri), *RSK* (risiko), dan *JLTH* (jurulatih). Dalam persamaan ini, pemboleh ubah *RSK* (risiko) dibentuk sebagai pemboleh ubah interaksi yang mewakili dua konstruk iaitu persepsi terhadap risiko dan kesediaan berhadapan risiko. Pemboleh ubah ini dibentuk berdasarkan dapatan kajian Giles et al. (2019), Gerlach et al. (2019), dan Bauer et al. (2021) yang mendapat komitmen

dan kesediaan ibu bapa menerima risiko daripada aktiviti mewujudkan situasi menang-menang bagi semua pihak yang terlibat dalam aktiviti luar iaitu peserta, ibubapa, dan pengajur. Menurut Alexander dan Schuster (1998), kaedah interaksi pemboleh ubah berupaya memberikan maklumat yang lebih baik berbanding pemboleh ubah itu sendiri. Kelebihan informasi ini menyebabkan bentuk analisis interaksi semakin popular dalam penyelidikan masa kini (Muhammad et al., 2014).

Analisis signifikan pengaruh setiap faktor yang dikaji diuji menggunakan ujian t berdasarkan nilai p. Dalam kajian ini, aras signifikan 1%, 5% dan 10% digunakan bagi menentukan tahap signifikan pemboleh ubah dikaji. Bagi ujian diagnostik model, nilai R^2 dirujuk bagi mengukur kesesuaian model regresi, nilai min ralat kuasa dua (*mean square root error*, MSE) digunakan bagi mengesan magnitud ralat dengan nilai MSE yang lebih rendah menunjukkan prestasi model yang lebih baik, manakala nilai lebih tinggi menunjukkan lebih banyak ralat dalam ramalan. Analisis faktor inflasi variasi (VIF) dan nilai *Tolerance* pula diaplikasi bagi mengenal pasti masalah multikolineariti dalam model regresi berbilang yang boleh menyebabkan penganggaran model menjadi tidak tepat. Nilai VIF yang kurang daripada 5, dan 1 bagi nilai *tolerance*, menunjukkan model bebas dan tidak berhadapan isu dan dianggap sebagai model yang sesuai digunakan untuk perbincangan hasil kajian.

Hasil analisis dan perbincangan

Hasil analisis kajian dibincangkan dalam tiga peringkat iaitu kesahan kontsruk pada peringkat 1, disusuli maklumat demografi responden pada peringkat 2, dan analisis hasil regresi dan diagnostik pada peringkat 3.

Jadual 1. Analisis kesahan faktor

Faktor	Item	Alpha Cronbach	KMO	Ujian Barlett (χ)	Varian
Penganjur (AJR)	4	0.905	0.822	2091.944*	79.244
Jurulatih (JLTH)	3	0.610	0.621	392.544*	61.167
Lokasi (LKS)	4	0.739	0.683	1232.005*	81.111
Pengalaman (PGLM)	4	0.867	0.819	1519.919*	73.189
Komunikasi(KMKS)	3	0.749	0.685	560.302*	67.660
Yuran (YRN)	3	0.790	0.712	757.570*	72.820

Sumber: Dijana oleh pengkaji menggunakan IBM SPSS versi 28

Nota: signifikan pada 1%(*), 5%(**). KMO (*Kaiser Meyer-Olkin*)

Berdasarkan Jadual 1, kesesuaian item atau konstruk terhadap dimensi atau faktor diukur berpandukan nilai alpha Cronbach dan nilai KMO. Secara umum, semua faktor menunjukkan nilai alpha Cronbach yang tinggi iaitu melebihi 0.6. Tiga faktor dengan nilai pekali paling tinggi ditunjukkan oleh faktor penganjur (0.905), disusuli aktiviti (0.867) dan komunikasi (0.749). Faktor fasilitator pula menunjukkan nilai pekali paling kecil antara faktor dikaji, namun nilainya melebihi 0.6. Sekaran (2003) menyatakan bahawa nilai alpha atau pekali kebolehpercayaan yang tinggi menunjukkan item atau konstruk dalam soal selidik yang dikemukakan adalah diterima dan boleh

dipercayai. Bagi menyokong nilai alpha cronbach ini, nilai KMO yang secara keseluruhan melebihi 0.6 membuktikan item-item dalam soal selidik dapat diterima pakai. Nilai varian bagi semua pemboleh ubah menunjukkan nilai melebihi 0.60 atau 60% yang menunjukkan keupayaan item-item menerangkan mengenai setiap faktor dikaji. Tiga faktor dengan nilai varian paling tinggi ditunjukkan oleh faktor lokasi (81.1%), pengajur (79.2%) dan aktiviti (73.2%), manakala paling kecil pula adalah faktor fasilitator (61.2%). Secara keseluruhan, nilai alpha cronbach, KMO, varian dan signifikan ujian Barlett menunjukkan instrumen kajian yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai.

Jadual 2. Maklumat responden

Maklumat responden	Keterangan	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	149	20.0
	Perempuan	595	80.0
Tempat tinggal	Bandar	489	57.7
	Pinggiran Bandar	243	32.7
	Luar Bandar	72	9.6
Pekerjaan (sendiri)	Bekerja (makan gaji)	604	81.2
	Bekerja (sendiri)	140	18.8
Pekerjaan (pasangan)	Bekerja (makan gaji)	575	77.2
	Bekerja (sendiri)	169	22.8
Umur (2024)	21- 30 tahun	219	29.4
	31- 40 tahun	189	25.4
	41-50 tahun	274	36.8
	51 dan ke atas	62	8.3
Bilangan Anak (bersekolah)	1-2	375	50.4
	3-4	333	44.8
	5 dan lebih	36	4.8

Sumber: Dijana oleh pengkaji menggunakan IBM SPSS versi 28

Jadual 2 menunjukkan maklumat responden yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan 744 orang responden, dengan majoritinya terdiri daripada perempuan (80.0%) berbanding lelaki (20.0%). Walaupun peratus responden golongan lelaki sedikit, namun banyak kajian lepas mendapati bahawa pandangan golongan perempuan merupakan keputusan yang mewakili keluarga terutama melibatkan keputusan mengenai anak-anak (Saleemi & Kofol, 2022; Moore et al., 2022; Zaimah et al., 2012; Othman & Ying, 2001). Analisis tempat tinggal menunjukkan majoriti responden tinggal di kawasan bandar (57.7%), diikuti oleh mereka yang tinggal di pinggiran bandar (32.7%) dan luar bandar (9.6%).

Analisis pekerjaan menunjukkan majoriti responden bekerja dengan majikan (81.2%), manakala selebihnya bekerja sendiri (18.8%). Corak pekerjaan pasangan responden adalah hampir serupa, dengan 77.2% pasangan bekerja dengan majikan dan 22.8% pula bekerja sendiri. Data ini menunjukkan majoriti ibu dan bapa bekerja dengan majikan dan tertakluk kepada waktu kerja pejabat yang umumnya lima hari seminggu dan 8 jam sehari. Hal ini menunjukkan keterbatasan masa ibu bapa dalam merancang aktiviti anak-anak semasa cuti sekolah. Analisis umur responden mendapati kumpulan umur yang dominan adalah 41–50 tahun (36.8%), diikuti oleh 21–30 tahun

(29.4%) dan 31–40 tahun (25.4%). Hanya sebilangan kecil responden (8.3%) berumur 51 tahun ke atas. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden berada dalam lingkungan umur yang aktif dalam tanggungjawab keibubapaan.

Analisis bilangan anak yang masih bersekolah dan ditanggung pula menunjukkan majoriti responden mempunyai bilangan 1–2 anak yang bersekolah (50.4%), diikuti 3–4 anak (44.8%) dan sebilangan kecil mempunyai 5 anak atau lebih (4.8%). Analisis profil responden ini memberikan gambaran umum tentang maklumat responden yang telah menyertai kajian ini. Data ini menggambarkan responden yang relevan dan signifikan dalam konteks kajian ini. Sehubungan itu, pandangan mereka berkaitan faktor-faktor yang dikaji didapati relevan bertujuan memahami persepsi mereka terhadap penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti luar semasa cuti sekolah.

Jadual 3. Hasil regresi kajian

Pemboleh ubah	Koefisien	Nilai ralat
Konstan	-3.355**	1.477
Penganjur (AJR)	2.377*	0.402
Lokasi (LKS)	-0.587*	0.155
Komunikasi (KMKS)	-0.404**	0.189
Yuran (YRN)	-0.518***	0.301
Jurulatih (JLTH)	0.710**	0.251
Risiko (RSK)	0.017*	0.005
Pengalaman (PGLM)	0.077***	0.042
Diagnostik Model		
	R ²	0.372
	Nilai F	13.527*
	MSE	1.245
	VIF (purata)	1.53
	Tolerance (purata)	0.70

Sumber: Dijana oleh pengkaji menggunakan IBM SPSS versi 28

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis regresi berbilang bagi model persamaan (1). Secara umum menunjukkan semua pemboleh ubah kajian adalah signifikan. Empat faktor memberi pengaruh positif terhadap keputusan ibu bapa iaitu penganjur (AJR), jurulatih (JLTH), risiko (RSK), dan pengalaman (PGLM), manakala tiga faktor memberi pengaruh negatif iaitu lokasi (LKS), komunikasi (KMKS), dan yuran (YRN).

Dari segi koefisien regresi, pemboleh ubah AJR (penganjur) menunjukkan pengaruh positif yang signifikan ($\beta = 2.377$, $p < 0.05$). Dapatkan ini menunjukkan bahawa persepsi ibu bapa terhadap kualiti penganjur mempunyai pengaruh kuat terhadap penyertaan kanak-kanak. Faktor penganjur yang berlesen, berpengalaman, reputasi dan mengutamakan keselamatan dapat mempengaruhi keputusan atau pilihan ibu bapa untuk membenarkan dan menghantar anak-anak mereka menyertai aktiviti luar sekolah melebihi 200 peratus. Dapatkan ini disokong oleh Henderson et al. (2007a) yang mendapati program berkualiti tinggi dari segi organisasi menarik lebih banyak penyertaan. Richmond et al. (2023) turut menekankan reputasi penganjur sebagai faktor utama dalam keputusan ibu bapa. Hasil analisis ini menunjukkan ketelitian ibu bapa dalam membuat penilaian berkaitan latar belakang penganjur bagi memastikan objektif penyertaan anak-anak dalam aktiviti yang dianjurkan bukan sahaja bermanfaat, bahkan selamat. Hal ini juga menunjukkan bahawa

kepercayaan ibu bapa terhadap penganjur yang berkualiti tinggi mampu memberi impak besar terhadap kadar penyertaan anak-anak.

Sebaliknya, faktor LKS (lokasi) dan KMKS (komunikasi) memberikan kesan negatif yang signifikan ($\beta = -0.587$, $p < 0.05$ dan $\beta = -0.404$, $p < 0.01$). Faktor lokasi penganjuran aktiviti di tempat yang kurang selamat, jauh dari lokasi tempat tinggal, kemudahan yang tidak lengkap dan tidak diselenggara dengan baik, memberikan kesan negatif terhadap keputusan ibu bapa. Lokasi yang tidak strategik ini menimbulkan kebimbangan ibu bapa, terutama berkaitan keselamatan anak-anak. Dapatkan ini sejajar dengan kajian Richmond et al. (2023) yang mendapati lokasi yang strategik dan mudah diakses sangat penting bagi ibu bapa yang mempunyai keterbatasan masa dan sumber. Begitu juga, komunikasi penganjur yang kurang efektif seperti ketidaksesuaian penganjur mengadakan taklimat atau hebahan terperinci kepada ibu bapa, kurang berkongsi maklumat aktiviti lepas, dan kurang bersedia memberikan perkembangan semasa aktiviti didapati turut menyumbang kepada pengurangan minat ibu bapa. Kajian Kang et al. (2017) menyatakan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan penganjur penting dalam membina kepercayaan terhadap program. Hal ini sejajar dengan saranan dilontarkan dalam kajian Md Amin et al. (2011) kepada penganjur untuk memperkasakan organisasi dari pelbagai aspek melibatkan pengurusan, kejurulatihan, pemasaran melalui medium yang pelbagai, hubungan industri, dan sebagainya. Dengan memperbaiki aspek-aspek ini, penganjur boleh meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap program yang ditawarkan penganjur pada musim cuti sekolah.

Pemboleh ubah YRN (yuran) juga memberi pengaruh negatif ($\beta = -0.518$, $p < 0.001$) terhadap kesediaan ibu bapa dalam membuat keputusan menghantar anak-anak bagi menyertai aktiviti cuti sekolah. Kos yang tinggi dan di luar kemampuan menyebabkan ibu bapa bersikap selektif dalam memilih aktiviti cuti sekolah. Kos tinggi menyukarkan penyertaan, terutamanya keluarga berpendapatan sederhana dan rendah. Situasi ini menunjukkan keperluan kepada penganjur untuk menawarkan pelbagai pakej yang lebih fleksibel serta menyesuaikan yuran mengikut kemampuan pelbagai lapisan masyarakat. Dengan langkah ini, program-program tersebut dapat diakses oleh lebih ramai peserta dan seterusnya memperluaskan impaknya. Richmond et al. (2023) serta Barnett (2008) turut menyarankan bantuan kewangan atau pakej bersubsidi sebagai alternatif untuk meningkatkan aksesibiliti.

Faktor JLTH (jurulatih) dan PGML (pengalaman diri) pula menunjukkan pengaruh positif yang signifikan ($\beta = 0.710$, $p < 0.01$ dan $\beta = 0.077$, $p < 0.001$). Henderson et al. (2007a) serta Knight dan Holt (2014) turut menyatakan bahawa kualiti jurulatih memberi kesan langsung kepada penerimaan ibu bapa. Aktiviti yang dikendalikan oleh jurulatih berkemahiran dapat memberi keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak menyertai aktiviti luar pada musim cuti sekolah. Keberkesanan jurulatih bukan sahaja dilihat pada aspek kepakaran tetapi juga keupayaan mereka untuk membimbang dan memastikan keselamatan peserta sepanjang aktiviti berlangsung. Menariknya, penyertaan aktiviti luar ini turut dipengaruhi oleh pengalaman ibu bapa sendiri. Ibu bapa yang aktif dalam aktiviti luar lebih cenderung menghantar anak-anak mereka untuk menyertai program yang sama atas justifikasi bahawa ia mampu meningkatkan keyakinan dan kemahiran sosial anak-anak. Hal ini selari dengan dapatan Bauer et al. (2021) yang turut mendapati keterbukaan sikap penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar adalah lebih tinggi dalam kalangan ibu bapa yang berkhidmat sebagai tentera atau pasukan keselamatan. Hal sama turut ditemui dalam kajian Knight dan Holt (2014) dan Holt et al. (2008) yang menunjukkan ibu bapa yang aktif bersukan turut menggalakkan anak-anak untuk aktif menyertai pelbagai aktiviti.

Bagi pemboleh ubah interaksi RSK (risiko), ia menunjukkan pengaruh positif yang signifikan ($\beta = 0.017$, $p < 0.05$). Ini menunjukkan kesediaan ibu bapa dalam menghadapi risiko

adalah faktor penting dalam keputusan penyertaan. Dapatan ini mencerminkan bahawa walaupun ibu bapa mungkin mempunyai persepsi terhadap risiko aktiviti, kesediaan mereka untuk menghadapi risiko tersebut dapat mendorong keputusan mereka untuk menyokong penyertaan anak-anak. Dapatan ini disokong oleh Little (2010) dan Gerlach et al. (2019) yang menunjukkan bahawa pemahaman terhadap risiko sebagai peluang pembelajaran membantu ibu bapa lebih terbuka terhadap penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar.

Menurut Little (2010), peranan ibu bapa penting dalam mengawal, mendidik dan membimbing anak-anak untuk bersedia menghadapi risiko. Ibu bapa tidak mampu melindungi anak-anak sepanjang masa daripada sesuatu risiko. Rentetan itu, ibu bapa perlu memberikan nasihat kepada anak-anak mengenai persediaan risiko dan kaedah menyelesaikan aktiviti dengan selamat. Risiko dalam aktiviti luar bukan hanya memberikan cabaran fizikal tetapi juga membina daya tahan mental dan keupayaan menyelesaikan masalah dalam kalangan peserta. Kajian oleh Md Amin et al. (2011), Hughes dan Estes (2005), serta Hill (2004) turut menyokong bahawa elemen risiko merupakan sebahagian daripada aktiviti luar yang bermatlamat membina potensi fizikal dan minda individu. Aktiviti yang melibatkan elemen risiko mencabar akan mendorong individu untuk berfikir, berusaha, dan bekerjasama, yang akhirnya membawa kepada peningkatan survival kendiri.

Perbandingan hasil analisis kajian ini dengan kajian sebelumnya menunjukkan trend serupa. An (2024) dalam konteks Jepun melaporkan bahawa ibu bapa menghadapi kekangan masa dan kos yang sama dalam membenarkan anak-anak menyertai aktiviti rekreasi. Di Kanada, Gerlach et al. (2019) mendapati bahawa persepsi terhadap keselamatan dan nilai aktiviti merupakan antara penentu utama dalam penglibatan komuniti. Hal ini menunjukkan ibu bapa bersedia dan berminat berkaitan kem cuti sekolah untuk anak-anak, dan dalam masa zama menzahirkan kebimbangan terhadap kos penyertaan, keselamatan persekitaran aktiviti, serta kebermanfaatan aktiviti terhadap pembangunan anak. Rentetan itu, penganjuran aktiviti kem cuti sekolah perlu menitikberatkan faktor ekonomi, logistik, dan persepsi terhadap keberkesanannya aktiviti yang mampu mempengaruhi tahap sokongan ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak semasa cuti sekolah.

Ujian diagnostik mengenai dapatan hasil analisis regresi menunjukkan bahawa model yang digunakan adalah signifikan secara keseluruhan dengan nilai $F = 13.527$ ($p < 0.05$) dan mampu menerangkan 37.2% ($R^2 = 0.372$) varians dalam boleh ubah bersandar. Nilai Mean Square Error (MSE) sebanyak 1.245 menunjukkan tahap ketepatan model dalam menjelaskan varians data. Selain itu, nilai purata Variance Inflation Factor (VIF = 1.53) dan Tolerance (0.70) menunjukkan tiada masalah multikolineariti yang serius. Secara keseluruhannya, model ini dianggap sesuai dan tepat untuk menganalisis pengaruh antara pemboleh ubah kajian serta memberikan dapatan yang boleh dipercayai. Kesimpulan ini menunjukkan bahawa keputusan ibu bapa berkaitan penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang berinteraksi secara kompleks. Penganjur boleh menggunakan hasil kajian ini untuk merancang strategi yang lebih efektif bagi menarik minat dan keyakinan ibu bapa.

Kesimpulan dan cadangan kajian

Mengisi waktu cuti sekolah tidak terhad kepada berehat sahaja. Tempoh ini perlu dimanfaatkan untuk mengembangkan kemahiran dan membina karakter positif kanak-kanak melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti. Aktiviti-aktiviti ini berupaya mengisi masa lapang kanak-kanak dengan

cara yang produktif, memberikan manfaat sosial, fizikal, dan mental, serta membantu membentuk nilai positif seperti keyakinan diri, tanggungjawab, dan keupayaan menyelesaikan masalah. Pada masa yang sama, ia menjadi penyelesaian relevan bagi ibu bapa berkerjaya yang ingin memastikan anak-anak terlibat dalam program berfaedah walaupun menghadapi komitmen kerja.

Dalam kajian ini, responden yang terlibat terdiri daripada ibu bapa yang berkerjaya dan masih mempunyai tanggungan anak-anak bersekolah sehingga 18 tahun. Sehubungan itu, penglibatan mereka dalam kajian ini dapat memberi input yang selari dengan objektif kajian yang cuba memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan mereka untuk membenarkan atau sebaliknya penyertaan anak-anak dalam aktiviti cuti sekolah. Berdasarkan hasil regresi, didapati faktor penganjur, jurulatih, risiko, dan pengalaman ibu bapa mempengaruhi keputusan secara positif, manakala lokasi, komunikasi, dan yuran memberi kesan negatif. Dapatkan ini menunjukkan kepelbagaian faktor yang dipertimbang oleh ibu bapa bagi memastikan tempoh cuti sekolah anak-anak dapat diisi dengan baik dan selamat. Keputusan signifikan pada boleh ubah yang dianalisis membuktikan bahawa ibu bapa berkerjaya berusaha menyeimbangkan antara kerjaya dan tanggungjawab keluarga agar waktu cuti sekolah anak-anak ini dapat dinikmati bersama-sama dengan menitikberatkan lokasi yang berdekatan tempat tinggal dan aktiviti yang disertai adalah selamat.

Sehubungan itu, bagi memastikan aktiviti cuti sekolah mampu menarik minat dan keyakinan kalangan ibu bapa, pihak penganjur perlu menambah baik prestasi, keselamatan, dan komunikasi berkesan dengan ibu bapa, termasuk menyediakan maklumat terperinci mengenai aktiviti yang akan dijalankan. Di samping itu, lokasi penganjuran juga perlu dipilih dengan teliti bagi memastikan ia selamat, mudah diakses, dan dilengkapi kemudahan yang mencukupi. Selain itu, penganjur juga perlu mempertimbangkan yuran aktiviti yang perlu disesuaikan dengan kemampuan ibu bapa bagi meningkatkan kesediaan mereka untuk menyokong penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar. Penglibatan jurulatih yang berkemahiran juga didapati penting bagi meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap keselamatan dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan. Bagi menggalakkan penyertaan aktiviti kanak-kanak, menjadi tanggungjawab kepada penganjur, jurulatih dan ibu bapa mendidik anak-anak untuk menghadapi risiko dengan selamat.

Memandangkan kajian ini tertumpu kepada ibu bapa yang kedua-duanya berkerjaya, penyelidikan masa depan disarankan untuk melibatkan isi rumah di mana salah seorang ibu atau bapa bekerja, manakala seorang lagi menjadi suri rumah. Kajian ini penting bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa dalam menyokong penyertaan anak-anak dalam aktiviti luar berdasarkan dinamika isi rumah yang berbeza. Isi rumah dengan salah seorang ibu bapa sebagai suri rumah mungkin mempunyai keutamaan dan strategi yang berbeza dalam menguruskan masa dan aktiviti anak-anak semasa cuti sekolah. Selain itu, perbezaan dalam sumber kewangan isi rumah dengan satu pendapatan boleh memberi implikasi terhadap kemampuan menyertai aktiviti, sekali gus memberikan input kepada penganjur untuk menawarkan program yang lebih inklusif dan fleksibel. Kajian ini juga dapat memberikan pemahaman mendalam mengenai bagaimana peranan ibu atau bapa sebagai suri rumah mempengaruhi keputusan dan sokongan terhadap aktiviti luar anak-anak, termasuk dalam aspek mendidik anak-anak untuk menghadapi risiko dengan selamat. Justeru, penyelidikan ini dapat memberikan input kepada pelbagai pihak untuk merancang program yang lebih sesuai dengan keperluan keluarga dan memanfaatkan kanak-kanak semasa cuti sekolah.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong dengan dana daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Fundamental Research Grant Scheme)-FRGS/1/2023/SS02/UPSI/02/2. Terima kasih juga kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi UPSI yang membantu dalam menguruskan penyelidikan ini (Kod Penyelidikan UPSI: 2023-0083-106-02).

Rujukan

- An, U. (2024). A study of parents' perceived constraints on participating in outdoor leisure activities with their children in Japan. *Journal of Park and Recreation Administration*, 42(4), 76–85.
- Barnett, L. (2008). Predicting youth participation in extracurricular recreational activities: Relationships with individual, parent, and family characteristics. *Journal of Park & Recreation Administration*, 26(2), 28-60.
- Bauer, M. E. E., & Giles, A. R. (2019). Single, stay-at-home, and fathers' perspectives on their 4–12-year-old children's outdoor risky play behaviour and 'good' fathering. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(5), 704–719.
- Bauer, M. E. E., Giles, A. R., & Brussoni, M. (2021). I've seen what evil men do: Military mothering and children's outdoor risky play. *Leisure Sciences*, 46(2), 150-166.
- Bobo, Z., Lun, L., Yufang, C., & Wenxia, S. (2024). Effects of outdoor activity time, screen time, and family socioeconomic status on physical health of preschool children. *Frontiers in Public Health*, 12, 1434936.
- Bonavolontà, V., Cataldi, S., Latino, F., Carvutto, R., de Candia, M., Mastrorilli, G., Messina,G., Patti, A., Fischetti, F., Tchounwou, P. B., Carmelo, J., & Sala, A. (2021). The Role of Parental Involvement in Youth Sport Experience: Perceived and Desired Behavior by Male Soccer Players. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18, 1–9.
- Borden, L. M., Perkins, D. F., Villarruel, F. A., & Stone, M. R. (2005). To participate or not to participate: That is the question. *New Directions for Youth Development*, 105, 33–49.
- Dallat, C., Salmon, P. M., & Goode, N. (2015). All about the Teacher, the Rain and the Backpack: The Lack of a Systems Approach to Risk Assessment in School Outdoor Education Programs. *Procedia Manufacturing*, 3, 1157-1164.
- Gerlach, A. J., Jenkins, E., & Hodgson, K. (2019). Disrupting Assumptions of Risky Play in the Context of Structural Marginalization: A Community Engagement Project in A Canadian Inner-city Neighborhoods. *Health & Place*, 55, 80–86.
- Giles, A. R., Bauer, M. E., & Darroch, F. E. (2019). Risky statement? A critique of the position statement on active outdoor play. *World Leisure Journal*, 61(1), 58–66.
- Henderson, K. A., Bialeschki, M. D., Scanlin, M. M., Thurber, C. A., Whitaker, L. S., & Marsh, P. E. (2007a). Components of camp experiences for positive youth development. *Journal of Youth Development*, 1(3), 1–12.
- Henderson, K. A., Whitaker, L. S., Scanlin, M. M., & Thurber, C. (2007b). Summer camp experiences: Parental perceptions of youth development outcomes. *Journal of Family Issues*, 28(8), 987–1007.

- Hughes, C. S., & Estes, C. A. (2005). The influence of environmental education on environmentally responsible behaviors of undergraduate students in a traditional and nontraditional setting. *Journal of Experiential Education*, 27(2), 308–310.
- Hill, S. B. (2004). Camping to change the world. *Australian Journal of Outdoor Education*, 8(1), 60 - 68.
- Holt, N. L., Tamminen, K. A., Black, D. E., Sehn, Z. L., & Wall, M. P. (2008). Parental involvement in competitive youth sport settings. *Psychology of Sport and Exercise*, 9(5), 663-685.
- Kang, H., Raffaelli, M., Bowers, J., Munoz, L., & Simpkins, S. D. (2017). Parental participation in the process of youth joining a program: Perspectives from adolescents and parents. *Family Relations*, 66(2), 258–272.
- Knight, C. J., & Holt, N. L. (2014). Parenting in youth tennis: Understanding and enhancing children's experiences. *Psychology of Sport and Exercise*, 15(2), 155-164.
- Little, H. (2010). Relationship between parents' beliefs and their responses to children's risk taking behaviour during outdoor play. *Journal of Early Childhood Research*, 8(3), 315-330.
- Lydia G. E. C., Lewis, S., Reid, T., Matthews, J., Sebire, S. J., Thompson, J. L., & Jago, R. (2019). Physical Activity during the school holidays: Parent perceptions and practical considerations. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(10), 1-14.
- Md Amin, M. T., Mazuki, M. Y., Jaffry, Z., & Benderi, D. (2011). Memperkasakan organisasi rekreasi luar: Suatu renungan. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar dan Bengkel Rekreasi Kebangsaan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Md Amin, M.T., Azlizam, A.A. & Jaffry, Z. (2011). Kerelevanans Pendidikan luar dalam sistem pendidikan tinggi Di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 3(1), 11-27.
- Miguel, S. P. A., Leo, F. M., David Oliva, S. D., Amado, D., & Tomás García-Calvo, G. T. (2013). The importance of parents' behavior in their children's enjoyment and a motivation in sports. *Journal of Human Kinetics*, 36, 171-179.
- Moore, E. V., Singh, N., Serra, R., & McKune, S. L. (2022). Household decision-making, women's empowerment, and increasing egg consumption in children under five in rural Burkina Faso: Observations from a cluster randomized controlled trial. *Frontiers in Sustainable Food Systems*, 6, 1034618.
- Muhammad, F., Mohd Hussin, M. Y., Abdul Razak, A., & Abd Hadi, F. S. (2014). Impak kitaran sosial dalam sumbangan alumni terhadap pendapatan endowmen universiti. *Akademika*, 84(3), 15-28.
- Muhammad, F., Awang, S. A., Hussin, M. Y. M., Razak, A. A., Shaarani, A. Z. M., Habidin, N. F., & Latip, N. A. M. (2024). Understanding parents' views on key factors and risks in school holiday camp participation. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(10), 1168–1178.
- Nurul Fathiah, A., & Nur Hafizah, Y. (2023). Peranan ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak dalam aktiviti kesukanan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(5), 1-13.
- Nur Hafizah, Y. (2020). Lumba haram dan budaya pertaruhan di Bagan Ajam, Pulau Pinang. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(2), 25-35.
- Othman, M. N., & Ying, L. S. (2001). Pembuatan keputusan tentang percutian keluarga: Kajian terhadap pengaruh perbezaan pendapatan antara suami dan isteri. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 4(1), 90-101.

- Richmond, D., Sibthorp, J., & Wilson, C. (2019). Understanding the role of summer camps in the learning landscape: An exploratory sequential study. *Journal of Youth Development*, 14(3), 9–30.
- Richmond, D., Hodge, C., & Sibthorp, J. (2023). Sending children to camp: An analysis of decision-making by family income. *Family Relations*, 72(3), 1292–1310.
- Saleemi, S. & Kofol, C. (2022). Women's participation in household decisions and gender equality in children's education: Evidence from rural households in Pakistan. *World Development Perspectives*, 25, 100395.
- Thurber, C. A., Scanlin, M. M., Scheuler, L., & Henderson, K. A. (2007). Youth development outcomes of the camp experience: Evidence for multidimensional growth. *Journal of Youth Adolescence*, 36, 241–254.
- William, B., Brown, T., & Onsman, A. (2012). Exploratory factor analysis: A five-step geode for novices. *Journal of Emergency Primary Health Care*, 8(3), 1-13.
- Zaimah, R., Sarmila, M. D., Abd Hair, A., Lyndon, N., Selvadurai, S., Suhana, S., Azima, A. M., & Rosniza Aznie, C. R. (2012). Pembuatan keputusan kewangan: Kajian kes keluarga dwi-kerjaya di Malaysia. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space*, 8(9), 53–59.